

ANALISIS KOHESI DALAM CERPEN KOMPONEN SASTERA DENGAN BERDASARKAN MODEL FAIRCLOUGH

ANALYSIS OF COHERENCE IN SHORT STORY LITERATURE COMPONENT THAT BASED ON FAIRCLOUGH MODEL

Aefiqah Gitin
Adenan Ayob

Accepted Date: 8 January 2018

Published Date: 3 April 2018

To Cite This Document: Gitin, A., & Ayob, A. (2018). Analisis Kohesi Dalam Cerpen Komponen Sastera Dengan Berdasarkan Model Fairclough. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(9), 54-67.

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti aspek kohesi dan perbandingan kekuatan serta kelemahannya dalam cerpen Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough. Reka bentuk kajian ini ialah kualitatif deskriptif dengan kaedah analisis dokumen oleh pengkaji sebagai sampel. Kajian analisis dan kepustakaan dilaksanakan di Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI, Perpustakaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Perpustakaan Sekolah Menengah Kebangsaan sekitar Tanjung Malim. Dapatan kajian menunjukkan cerpen "Kaduk, Ayam dan Raja" memperoleh unit aspek kohesi yang tertinggi iaitu berjumlah 24 berbanding 22 bagi cerpen "Jaket Kulit Kijang dari Istanbul". Implikasi kajian menjurus kepada penerokaan wacana secara inklusif oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), guru dan pengkaji lain. Cadangan kajian lanjut untuk pengkaji lain adalah supaya memanfaatkan Analisis Wacana Kritis model Fairclough dalam analisis wacana untuk teks pendidikan bahasa.

Kata kunci: Kohesi, analisis wacana kritis, tematik.

Abstract

This study aims to identify the cohesion aspects and the comparison between strengths and weaknesses of Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul short stories using Critical Discourse Analysis by Fairclough model. This study is based on descriptive qualitative with the method of document analysis by the researcher as a sample. Data analysis and literature is carried out at Tuanku Bainun Library of UPSI, Library of Kementerian Pendidikan Malaysia and the National Secondary School Library around Tanjung Malim. The finding shows that "Kaduk, Ayam dan Raja" short story gained the highest unit of cohesion in total of 24 units compared to 22 units for the "Jaket Kulit Kijang dari Istanbul" short story. The implications of the study are more into Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), teachers and other researchers. It is to explore widely the critical discourse analysis. Further study recommendations for other

researchers to utilize Fairclough model in Critical Discourse Analysis to analyse the discourse text in term of language education.

Keywords: *Cohesion, Critical discourse analysis, Thematic.*

Pengenalan

Latar Belakang Kajian

Pendidikan merupakan satu agenda utama yang boleh mempengaruhi kualiti dan ketamadunan seseuatu bangsa di dunia. Pendidikan mampu mendidik manusia berfikiran rasional, bebas, baik dan mampu menyelesaikan masalah dengan berkesan (Abdul Fatah Hassan, 2003). Manusia dianggap mundur sekiranya hidup tanpa pendidikan. Individu dan keluarga yang berilmu serta meletakkan ilmu sebagai cara hidup akan membuat satu

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah telah digubal berdasarkan penggunaan bahasa yang merangkumi tiga bidang utama, iaitu interpersonal, bidang maklumat, dan bidang estetika (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Tumpuan terhadap tiga bidang tersebut bertujuan membolehkan murid menggunakan Bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian, bidang kerjaya, seterusnya sebagai bahasa ilmu yang dapat dimanfaatkan sepanjang hidup. Bidang estetika merupakan salah satu daripada tiga bidang utama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Hasil pembelajaran khusus yang perlu dicapai untuk memahami, menguasai, menghasilkan penulisan kreatif, dan bukan kreatif dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu (Zuraini Mat Jasin & Abdul Sukor Shaari, 2012).

Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) telah dimasukkan dalam perubahan sukatan ini untuk memupuk, melahirkan minat membaca, dan menghayati bahan sastera. Penerapan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah diperkenalkan semenjak tahun 2000. Kepentingan signifikan pembelajaran KOMSAS adalah untuk melahirkan modal insan berminda kelas pertama. KOMSAS digunakan sebagai satu pendekatan dalam meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. Pusat Perkembangan Kurikulum (2003) dalam Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu daripada tingkatan satu hingga lima menyatakan bahawa, “Melalui komponen KOMSAS, diharapkan minat membaca, keseronokan membaca, dan penghayatan terhadap bahan sastera dapat dipupuk”. Memandangkan pembelajaran bahasa Melayu menitikberatkan kemahiran berbahasa serta aplikasinya dalam kehidupan, KOMSAS merupakan bahagian lain pembelajaran bahasa yang bukan sahaja mengetengahkan pembelajaran kemahiran berbahasa, malah memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan kemahiran tersebut.

Pengajaran Kesusasteraan Melayu sebagai satu Komponen Sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bukan hanya di sekolah menengah sahaja, malah mula diajar di sekolah rendah juga. Matlamat pengajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah adalah untuk melengkapkan murid dengan ilmu sastera agar dapat menghayati, menghargai, mencintai, dan membangunkan bahasa dan sastera Melayu dalam pendidikan. Selain itu, pengajaran tersebut juga mampu dijadikan sebagai kerjaya ke arah pemantapan cita rasa santera dalam kalangan masyarakat. Hal ini sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, dan intelek. Aspek sastera memainkan peranan penting dalam pembinaan Bahasa Melayu dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa. Matlamat pendidikan bahasa dalam aspek pengajaran dan pembelajaran adalah untuk memberikan kemahiran bahasa yang seoptimum mungkin kepada murid. Sehubungan itu, murid turut dapat memperoleh pengetahuan lain yang pelbagai dengan wadah kemahiran

bahasa. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, karya sastra juga paling sesuai dijadikan bahan pengajaran sebagai matalamat penguasaan kemahiran bahasa. Oleh itu, dalam memperkasakan bahan KOMSAS, sama ada untuk pengajaran dengan pembelajaran, model wacana kritis perlu dijadikan penelitian oleh sarjana pendidik. Penelitian perlu menjurus kepada kepentingannya ke arah pengukuhan dan pemanfaatan bahan KOMSAS kepada guru dan murid.

Pernyataan Masalah

Komponen Sastra (KOMSAS) merupakan sebahagian daripada mata pelajaran Bahasa Melayu peringkat sekolah rendah dan menengah. Dalam buku antologi, murid akan didedahkan dengan pelbagai genre cerpen, drama, dan puisi. Salah satu bahagian yang perlu dilihat dari aspek bahasa ialah cerpen. Selain menjadi bahan pembelajaran sastra kepada murid, cerpen dalam KOMSAS juga boleh menjadi rujukan kepada murid tentang penggunaan kohesi. Marohaini Yusoff (2001), berpendapat bahawa penggunaan bahan sastra mampu membekalkan murid bahan yang mudah difahami, menarik, dan asli untuk tujuan pendidikan bahasa.

Penulisan Berasaskan Projek atau PBP merupakan kajian yang dilaksanakan oleh Yahya Othman dan Suzanawaty Osman merupakan satu inovasi untuk menguasai kemahiran menulis karangan. Penghasilan projek tersebut dapat dikaitkan dengan keupayaan murid mengemukakan idea yang kreatif dalam merangka reka bentuk dan penggunaan bahasa yang sesuai bagi memujuk mereka membaca. Oleh itu, dengan adanya kepelbagaian bahan, murid dapat dibantu dalam menulis dengan berkesan (Yahya Othman & Suzanawaty Pg. Osman, 2014).

Bagi menghasilkan penulisan efektif, penguasaan sistem bahasa sangatlah penting. Lazimnya bahasa tulisan perlu lebih teratur daripada bahasa lisan (Norsimah Mat Awal *et al.*, 2012). Kurang kepelbagaian dalam pendekatan, kaedah, dan teknik semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran yang dilaksanakan oleh guru juga adalah antara punca yang menyebabkan murid kurang mahir menulis karangan (Yahya Othman & Suzanawaty Pg. Osman, 2014).

Murid tidak perlu bergantung sepenuhnya terhadap pembelajaran bahasa di dalam kelas, tetapi boleh juga meningkatkan kemahiran menulis melalui pembacaan untuk meningkatkan kemahiran menulis mereka. (Norsimah Mat Awal *et al.*, 2012). Oleh itu, tidak dinafikan pentingnya pengetahuan berkaitan kohesi oleh murid untuk menghasilkan karangan yang berkualiti dan sistematik susunannya (Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria, 2015).

Nik Safiah Karim (2004), menyatakan bahawa bahan pengajaran amat berguna dalam pengajaran bahasa sama ada dalam konteks masyarakat penuturnya mahupun sistem bahasa itu sendiri. Penggunaan teks KOMSAS bagi genre cerpen dapat berperanan sebagai pencetus penajaan idea dalam kalangan murid, khususnya berkaitan dengan karangan, jenis cereka. Pentingnya kajian analisis cerpen kerana cerpen juga dapat memberikan impak positif terhadap penulisan karangan murid. Penggunaan cerpen yang mempamerkan pelbagai maklumat tentang sosiobudaya mampu merangsang minat murid dalam mencerna pemikiran dan diluahkan melalui penulisan yang kreatif. Oleh itu, dalam konteks pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu, kajian aspek kohesi dan koheren dalam cerpen KOMSAS penting dilaksanakan. Hal ini adalah untuk meneliti unsur-unsur penting bahasa iaitu pertautan dan runtutan dalam teks cerpen untuk melihat kekuatan bahan tersebut

Salah satu model yang mengandungi penelitian kohesi dan koheren ialah model Analisis Wacana Kritis (AWK). Analisis Wacana Kritis merupakan usaha dan proses memberikan penjelasan tentang sesuatu teks yang hendak dikaji oleh seseorang atau kumpulan dominan. Hal ini bermaksud, dalam sebuah konteks perlu diketahui kepentingannya. Di sebalik wacana tersebut, terdapat maksud dan gambaran yang ingin dinyatakan kepentingannya. Analisis wacana yang dimaksudkan dalam penulisan ini ialah pengungkapan maksud tersembunyi daripada subjek iaitu penulis yang mengemukakan sesuatu pernyataan. Oleh itu, analisis cerpen menggunakan Analisis Wacana Kritis Teori Fairclough juga dapat mengemukakan kerelevanan sesuatu teks itu digunakan kepada murid.

Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti aspek kohesi dalam cerpen buku *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough.
- ii. Menghuraikan kekuatan dan kelemahan aspek kohesi dalam cerpen buku *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul* menggunakan model Fairclough.
- iii. Membandingkan kekuatan dan kelemahan aspek kohesi antara cerpen dalam buku *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough.

Soalan Kajian

- i. Apakah aspek kohesi dalam cerpen *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough?
- ii. Apakah kekuatan dan kelemahan aspek kohesi dalam cerpen *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough?
- iii. Apakah perbandingan kekuatan dan kelemahan aspek kohesi antara cerpen dalam buku *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul* dengan menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough?

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada kementerian terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Buku antologi yang dikaji oleh pengkaji merupakan buku yang telah diperbaharui bermula tahun 2015. Nama buku *Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul* merupakan karya cerpen yang terkandung dalam buku ini iaitu karya Maskiah Haji Masrom. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini dapat membantu kementerian untuk menilai semula beberapa karya yang terkandung dalam buku antologi ini khususnya cerpen. Pengkaji menganalisis kohesi dalam dua buah cerpen untuk melihat kekuatan dan kelemahan teks cerpen tersebut. Hasil kajian ini akan memperlihatkan penggunaan kohesi dalam keseluruhan teks cerpen. Penggunaan aspek kohesi yang tepat berdasarkan teori yang digunakan memperlihatkan kekuatan sebuah teks tersebut. Kajian ini dapat dijadikan panduan untuk menilai semula cerpen yang sedang digunakan dan dapat dijadikan panduan untuk membuat pemilihan cerpen sebagai bahan kepada murid pada masa akan datang.

Seterusnya, kajian ini penting kepada pengkaji lain sebagai rujukan khususnya dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu. Sumber rujukan wacana dalam penyelidikan masih kurang terutamanya yang menjurus kepada pendidikan Bahasa Melayu. Kebanyakan kajian wacana tertumpu kepada bahan luar dari bidang pendidikan seperti kajian bahan teks ekonomi, sejarah, sains, hiburan, dan pelbagai lagi. Kajian menggunakan bahan sekolah masih kurang. Oleh itu, kajian ini seharusnya dapat dijadikan bahan rujukan kepada pengkaji lain yang berhasrat melaksanakan kajian dalam bidang Bahasa Melayu.

Kajian ini juga penting kepada golongan pendidik khususnya guru Bahasa Melayu. Selain menumpukan aspek bahasa dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu, Komponen Sastra juga memerlukan penelitian bahasa. Terdapat beberapa karya yang memerlukan penelitian bahasa iaitu cerpen dan juga drama. Bahan yang dibekalkan ini merupakan bahan yang terpilih dan sesuai dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran guru serta murid. Dalam penulisan karangan, selain pembelajaran penggunaan tatabahasa yang betul, murid juga perlu didedahkan dan dibiasakan dengan penggunaan bahasa yang betul. Selain menjadikan perpustakaan sebagai sumber bahan rujukan dan bacaan kepada murid, mereka juga boleh merujuk bahan sedia ada iaitu teks cerpen KOMSAS. Dalam pembelajaran cerpen KOMSAS murid tidak hanya didedahkan dengan kepelbagaian ciri-ciri KOMSAS seperti nilai, persoalan, pengajaran, plot, latar, dan sebagainya. Malah, murid juga didedahkan dengan penggunaan ayat yang bertaut dan runtut sebagai nilai tambah dalam pembelajaran cerpen KOMSAS.

Batasan Kajian

Skop kajian memfokuskan Analisis Wacana Kritis model Fairclough iaitu Dimensi Tekstual (kohesi). Oleh sebab model Fairclough menumpukan analisis teks sains sosial, pengkaji telah membataskan beberapa aspek yang akan digunakan dalam menganalisis teks cerpen KOMSAS. Pemilihan aspek analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk menyesuaikan cerpen KOMSAS yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran. Dalam Dimensi Tekstual ataupun kohesi, aspek tersebut terdiri daripada tetenunan nahuan iaitu penggantian dan pelenyapan, dan tetenunan leksikal iaitu penggunaan kata sekelompok kolokasi kata berkaitan dan kolokasi kata berlawanan.

Buku yang dipilih ialah buku antologi tingkatan empat. Cerpen tersebut terdiri daripada cerpen “Kaduk dan Ayam dan Raja” karya Zurinah Hassan dan cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” karya Maskiah Haji Masrom.

Definisi Operasional

Wacana Kritis Model Fairclough

Konsep wacana menurut Fairclough ialah bentuk “praktis sosial” yang memberikan tiga implikasi. Pertama, wacana merupakan sebahagian daripada masyarakat. Kedua, pemahaman wacana sebagai praktis sosial memberikan kesan bahawa wacana merupakan proses sosial. Seiring dengan perkembangan masyarakat, wacana juga berkembang. Ketiga, wacana diproses sesuai dengan situasi masyarakat. Model Fairclough ini mengintegrasikan secara serentak analisis wacana berdasarkan linguistik dan pemikiran sosial serta diintegrasikan dalam perubahan sosial.

Kohesi

Kohesi atau tautan bermaksud keserasian hubungan satu unsur dengan satu unsur linguistik yang lain dalam sesuatu wacana untuk menghasilkan wacana yang lengkap. Sama seperti tautan yang bermaksud kesepaduan dalam penulisan. Keserasian hubungan ini dapat dilihat melalui hubungan antara perkataan, frasa atau ayat dalam wacana yang sama. Tautan dapat mewujudkan kesinambungan antara sebahagian teks dengan sebahagian teks yang lain sehingga membentuk kesatuan. Halliday dan Hassan menyatakan bahawa makna tautan dipecahkan kepada dua sudut, iaitu tautan nahuan dan tautan leksikal. Kedua-dua nahuan ini wujud dalam kesatuan teks. Berikut merupakan unsur yang akan digunakan dalam kajian analisis cerpen untuk aspek kohesi.

a) Tetenunan

Teori Tetenunan dikemukakan oleh Halliday & Hassan (1976). Menurut mereka lagi, tetenunan dipamerkan sebahagiannya melalui 'alatan nahuan' dan sebahagian lagi melalui 'alatan leksikal'. Makna yang lebih umum lagi dapat dinyatakan dengan istilah tetenunan nahuan manakala yang lebih khusus melalui tetenunan leksikal.

i. Penggantian

Penggantian adalah pengambilan tempat dalam segmen kata, frasa, atau klausa oleh kata atau frasa bayangan. Penerima atau sasaran wacana boleh memahaminya melalui ayat yang mendahuluinya. Pengganti berkenaan boleh daripada unsur namaan atau kerjaan.

ii. Pelenyapan

Pelenyapan atau *ellipsis* ialah proses peniadaan kata atau sebahagian kesatuan lain dalam ayat. Kewujudan asalnya dapat diramalkan melalui konteks. Penghilangan juga dikatakan berkait rapat dengan pautan penggantian. Ada pelenyapan namaan, kerjaan, dan klausa.

b) Tetenunan Leksikal

Tetenunan leksikal merupakan alatan pembina pautan yang penting. Hal ini kerana alatan tersebut yang akan membawa maklumat atau idea dalam wacana. Tetenunan leksikal melibatkan pernyataan semula leksikal dan pemanfaatan leksikal yang berkolokasi.

i. Penggunaan Kata Sekelompok (Kolokasi) : Kata berkaitan

Tetenunan melalui kolokasi dicapai melalui perkaitan semantik item-item leksikal yang kerap hadir secara bersama atau mempunyai makna rujukan umum yang sama atau berkaitan dan kata yang berlawanan. Contohnya, apabila menyebut "mahkota", "Melayu" dan "negara selatan", maka kita dapat mengaitkan masing-masing dengan "raja", "Islam" dan "negara sedang membangun".

ii. Kolokasi Kata Berlawanan

Dua kata yang mempunyai makna bertentangan (antonim) juga boleh membentuk tetenunan teks.

KOMSAS

KOMSAS ialah istilah yang disingkatkan daripada perkataan "komponen" dan "kesusasteraan Melayu". Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010), komponen bermaksud bahagian yang menjadikan sesuatu lengkap atau sempurna. Sastera pula bermaksud bahasa yang digunakan dalam kitab-kitab (*Dewan Edisi Keempat*, 2010). Modul pengajaran dan pembelajaran KOMSAS tingkatan empat dan lima menerangkan KOMSAS adalah mengajarkan unsur ilmu Kesusasteraan Melayu seperti struktur karya, tema, watak, plot, gaya bahasa, amanat, bentuk, teknik, nilai, keindahan, unsur budaya, dan sebagainya. Pengajaran tersebut dilaksanakan dalam dua waktu yang diperuntukkan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Isi kandungan KOMSAS ditetapkan kepada enam genre iaitu novel, cerpen, drama, puisi dan prosa tradisional, serta puisi moden seperti sajak.

Cerpen

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, cerpen bermaksud cerita pendek, mencerpenkan, menghasilkan cerpen atau menulis karya kreatif yang berbentuk cerita pendek. Daripada sumber laman sesawang Wikipedia, cerpen merupakan suatu bentuk prosa naratif yang bersifat cereka. Biasanya cerpen mengandungi jumlah watak yang sedikit di antara satu sehingga empat dengan tema yang satu dan plot yang ringkas yang jauh lebih sedikit daripada novel.

TINJAUAN LITERATUR

Teori Wacana

Teori wacana digunakan untuk menganalisis penggunaan bahasa dalam konteks penutur atau penulis. Penelitian wacana lebih memfokuskan hubungan penutur dengan ujaran terutamanya

sebab penggunaannya. Oleh itu, analisis wacana akan menerangkan apa yang dimaksudkan oleh penutur dan pandangan melalui wacananya. Kehadiran analisis wacana khususnya telah memberikan sumbangan terhadap disiplin ilmu yang lain. Endang Wiyanti (2016), mengemukakan bahawa kajian analisis wacana memperoleh sumbangan besar daripada bidang ilmu seperti sosiologi. Bidang ilmu ini telah menjalankan kajian analisis pertuturan dan falsafahnya telah memberikan sumbangan terhadap kemunculan teori tindak ujar dan pragmatis.

Genre Cerpen

Cerpen didefinisikan sebagai sebuah cerita berdasarkan fakta dicampur dengan imaginasi daripada pengarang. Cerpen adalah gabungan antara pengalaman dengan rekaan pengarang secara seimbang bagi keduanya. Pada peringkat awal, kemunculan cerpen hanya berlandaskan tradisi cerita lisan sahaja. Dalam cerpen tulisan, panjangnya kira-kira 160 patah perkataan manakala 48000 patah perkataan merupakan jumlah perkataan yang terpanjang cerpen yang pernah dicatatkan. Peringkat awal kemunculan cerpen sememangnya tiada had terhadap jumlah perkataan dan pengarang tidak meletakkan satu konsep yang jelas terhadap satu-satu cerpen yang dihasilkan. Namun, cerpen ditulis berdasarkan cerita dan pengalaman yang mampu memberikan pengajaran dan nilai moral yang baik kepada masyarakat yang membaca. Penulisan cerpen ketika zaman tradisional sememangnya lebih berkait tentang kehidupan tradisional, namun jika penulis menerima pengaruh daripada barat, penulisan cerpen lebih terarah kepada pengaruh barat.

Kajian Lepas

Kajian wacana kritis juga dapat diperoleh daripada kajian yang dilaksanakan oleh Hasuria Che Omar yang bertajuk “Analisis Wacana Kritis dalam Program Televisyen Raja Lawak dan Implikasinya terhadap Psikososial Audiens di Malaysia”, (2012). Wacana dalam Siri Raja Lawak yang telah ditayangkan oleh ASTRO sekitar awal tahun 2008 telah menjadi objektif kajian untuk dianalisis. Penggunaan Analisis Wacana Kritis dalam linguistik terapan telah membuka ruang untuk mengembangkan pendekatan yang berbeza-beza dalam memahami mesej dalam media. Analisis Wacana Kritis tersebut menggabungkan beberapa pendekatan daripada beberapa orang tokoh seperti Kress, Kaplan, Fairclough, dan Van Dijk telah digunakan untuk meneliti wacana dalam latar media dan komunikasi. Kajian ini menghubungkan struktur multidimensi wacana yang mampu menghasilkan implikasi khusus terhadap pembangunan minda audiens di Malaysia dalam konteks 50 tahun selepas merdeka. Dua metodologi yang digunakan dalam analisis kualitatif kajian media televisyen ini ialah pemerhatian sendiri oleh pengkaji dan analisis dokumen atau tekstual. Data dikutip daripada pengungkapan verbal dan bukan verbal serta bentuk penyampaian oleh Nabil yang berfungsi sebagai subjek kajian.

Seterusnya kajian tentang penulisan karangan yang telah dilaksanakan oleh Norsimah Mat Awal, Nadrah Abu Bakar, dan Norhashimah Jalaluddin yang bertajuk “Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua: Pengungkapan Idea dalam Penulisan Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia” (2012), mengetengahkan penulisan murid pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kajian ini bertujuan untuk melihat penggunaan ungkapan menarik dalam penulisan mereka. Ungkapan menarik yang dimaksudkan ialah penggunaan peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ungkapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, kosa kata yang cantik maksud, maksud ayat Al-Quran, dan lain-lain.

Penanda wacana juga terdapat pada kohesi, iaitu yang berada pada dimensi tekstual dalam wacana kritis Fairclough. Kajian tentang penanda wacana dapat dilihat pada kajian Mohammad

Fadzeli Jaafar yang bertajuk “Penanda Wacana dalam Teks Melayu Lama berunsur Sejarah”, (2012). Tujuan kajian ini adalah untuk mencungkil pelbagai bentuk dan fungsi penanda wacana dalam teks Melayu yang ditulis pada awal abad ke-20. Secara khususnya, kajian ini meneliti pelbagai bentuk wacana dalam Bahasa Melayu. Selain itu, kajian ini juga menghuraikan fungsi penanda wacana berdasarkan konteks ayat. Bahan kajian iaitu teks *Hikayat Johor serta Pahang* telah dikarang oleh Mejar Dato Haji Mohd. Said Sulaiman. Kajian ini menggunakan model kohesi yang pernah dicadangkan oleh Halliday dan Hassan (1995). Hasil kajian ini telah mendapati bahawa penanda wacana dalam teks kajian ini berfungsi sebagai pemula peristiwa dan penyambung peristiwa.

Kajian ini menunjukkan aspek kohesi berdasarkan Halliday dan Hassan digunakan dalam mengkaji teks sejarah. Aspek dalam kohesi yang diteliti pula ialah penanda wacana yang terdapat dalam teks sejarah. Pengkaji pula menggunakan kohesi model Fairclough dalam analisis teks pendidikan. Perbezaan pengkaji dalam kajian ini ialah pemilihan teori dan juga bidang kajian. Pengkaji memilih model Fairclough berbeza dengan kajian ini, pengkaji juga mengkaji bidang pendidikan yang juga berbeza dengan kajian bidang sejarah dalam kajian ini. Namun persamaan yang dapat dikenal pasti dalam kajian ini dan kajian pengkaji ialah penelitian aspek bahasa dengan berpandukan teori yang berbeza.

Kaedah Kajian

Kajian yang dilaksanakan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Reka bentuk kualitatif adalah menghasilkan data berbentuk deskriptif iaitu dengan menggunakan analisis data berbentuk laporan dokumen oleh pengkaji. Terdapat satu kaedah kajian yang akan digunakan oleh pengkaji iaitu analisis dokumen.

Sampel Kajian

Sampel dalam kajian ini ialah pengkaji sendiri. Pengkaji sendiri akan melakukan analisis terhadap teks cerpen yang terdapat dalam buku *Antologi Kulit Kijang dari Istanbul*. Buku antologi ini digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran murid tingkatan empat. Antara cerpen tersebut ialah cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” karya Zurinah Hassan dan cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” karya Maskiah Haji Masrom.

Instrumen Kajian

Kajian ini terdiri daripada satu instrumen kajian iaitu senarai semak Analisis Wacana Kritis. Senarai semak Analisis Wacana Kritis terdiri daripada aspek kohesi yang telah diskopkan untuk menyesuaikan analisis terhadap cerpen KOMSAS. Senarai semak yang akan digunakan adalah berdasarkan kaedah tematik iaitu analisis menggunakan tema dan subtema. Berikut merupakan jadual tema dan sub tema yang akan dianalisis dalam cerpen;

Jadual 1
Analisis Aspek Kohesi

JENIS	
Tetenuan Nahuan	Penggantian
	Pelenyapan
Tetenuan Leksikal	Penggunaan kata sekelompok (kolokasi): Kolokasi kata berkaitan
	Penggunaan kata sekelompok (kolokasi): Kolokasi kata berlawanan

Jadual 1 merupakan senarai semak analisis wacana kritis iaitu tema dan subtema yang akan dianalisis oleh pengkaji. Jadual 1 menunjukkan analisis aspek kohesi yang mengandungi dua

tema yang digunakan untuk analisis iaitu tetenunan nahuan dan tetenunan leksikal. Tetenunan nahuan mengandungi penggantian dan pelenyapan, manakala tetenunan leksikal penggunaan kata sekelompok (kolokasi) iaitu kolokasi kata berkaitan dan kolokasi kata berlawanan.

Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data melibatkan lima peringkat. Peringkat pertama adalah mengenal pasti dan memilih cerpen daripada antologi komponen sastera untuk dianalisis. Peringkat kedua adalah mengumpulkan dan menyemak buku-buku, jurnal, dan bahan yang berkaitan untuk rujukan kajian. Peringkat ketiga adalah menganalisis kekuatan dan kelemahan cerpen menggunakan aspek kohesi mengikut model Fairclough. Peringkat keempat adalah membuat perbandingan kekuatan dan kelemahan cerpen menggunakan aspek kohesi mengikut model Fairclough. Seterusnya peringkat kelima adalah menyusun dan mengorganisasikan data yang diperoleh.

Penganalisan Data

Pengkaji telah melaksanakan analisis data terhadap dua teks cerpen yang dikaji. Dalam soalan kajian yang akan dibincangkan kelak, hasil tersebut berpandukan Analisis Wacana Kritis model Fairclough iaitu terhadap dua aspek melibatkan aspek kohesi. Untuk membolehkan analisis aspek kohesi dilakukan, koding teks cerpen perlu dilakukan dahulu. Koding cerpen melibatkan pengekodan ayat demi ayat dalam cerpen tersebut.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian dapat dilihat daripada jadual berikut yang menunjukkan jumlah unit aspek kohesi yang diperoleh kedua-dua cerpen;

Jadual 2
Perbandingan Jumlah Unit Aspek Kohesi antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul”

Perkara		Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja”	Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul”
Jumlah Perenggan		41	107
Jumlah Ayat (Unit)		180	434
Tetenunan Nahuan	Penggantian	5 Unit	5 Unit
	Pelenyapan	8 Unit	9 Unit
Tetenunan Leksikal	Kolokasi Kata Berkaitan	9 Unit	6 Unit
	Kolokasi Kata Berlawanan	2 Unit	2Unit
Jumlah Unit Aspek Kohesi		24 Unit	22 Unit

Jadual 2 menunjukkan jumlah unit aspek kohesi daripada cerpen “Kaduk , Ayam dan Raja” dan “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul”. Jumlah unit yang dikenal pasti berbeza antara kedua-dua cerpen ini. Unsur penggantian menunjukkan jumlah yang sama daripada kedua-dua cerpen iaitu masing-masing mempunyai lima unit, unsur pelenyapan pula menunjukkan cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” lebih banyak iaitu sebanyak sembilan unit berbanding lapan unit daripada cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja”. kolokasi kata berkaitan menunjukkan cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” lebih banyak iaitu sebanyak sembilan unit daripada cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” iaitu enam unit sahaja. Manakala kolokasi kata berlawanan

menunjukkan dua unit bagi kedua-dua cerpen. Jumlah keseluruhan unit aspek kohesi terbanyak ialah cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” iaitu sebanyak 24 unit dan 22 unit bagi cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul”.

Jadual 3
Perbandingan Kekuatan Aspek Kohesi antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul”

Perkara		Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja”	Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul”
Tetenuan Nahuan	Penggantian	x	x
	Pelenyapan	/	/
Tetenuan Leksikal	Kolokasi Kata Berkaitan	/	/
	Kolokasi Kata Berlawanan	/	/

Berdasarkan Jadual 3, analisis bagi unsur penggantian tidak menunjukkan sebarang kekuatan bagi kedua-dua cerpen. Unsur pelenyapan menunjukkan kekuatannya iaitu kedua-dua cerpen tersebut menunjukkan penggunaan unsur pelenyapan yang tepat berdasarkan contoh ayat yang dikenal pasti pada jadual analisis. Unsur kolokasi kata berkaitan juga memperlihatkan kekuatan kedua-dua cerpen iaitu menepati ciri-ciri kolokasi kata berkaitan dalam satu-satu ayat. Seterusnya unsur kolokasi kata berlawanan juga menunjukkan kekuatan kedua-dua cerpen iaitu menepati ciri-ciri kolokasi kata berlawanan yang terdapat dalam satu-satu ayat. Daripada analisis perbandingan kekuatan aspek kohesi cerpen, kedua-dua cerpen adalah sama dari segi analisis kekuatannya iaitu mempunyai tiga kekuatan daripada empat unsur.

Jadual 4
Perbandingan Kelemahan Aspek Kohesi antara Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” dan “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul”

Perkara		Cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja”	Cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul”
Tetenuan Nahuan	Penggantian	/	/
	Pelenyapan	x	/
	Kolokasi Kata Berkaitan	x	x
	Kolokasi Kata Berlawanan	x	x

Jadual 4 menunjukkan kedua-dua cerpen mempunyai kelemahan dalam mempamerkan unsur penggantian. Hampir semua ayat yang didapati dikenal pasti dalam unsur penggantian mendahulukan kata gantian tersebut sebelum item yang digantikan diterangkan. Hal ini bermakna, pembaca perlu membaca ayat seterusnya untuk memahami apa yang digantikan. Bagi unsur pelenyapan, cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” mempamerkan kelemahan apabila item yang dilenyapkan diterangkan selepas ayat kata ganti tersebut. Sama seperti

penggantian, pembaca perlu memahami ayat seterusnya untuk memahami apa yang digantikan itu. Seterusnya, unsur kolokasi kata berkaitan dan kolokasi kata berlawanan menunjukkan kedua-dua cerpen tidak menunjukkan kelemahan. Secara keseluruhannya cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul” menunjukkan dua kelemahan berbanding satu kelemahan dalam cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja”.

Perbincangan

Kajian ini juga dapat dikaitkan dengan kajian oleh Hasuria Che Omar (2012), yang bertajuk “Analisis Wacana Kritis dalam Program Televisyen Raja Lawak dan Implikasinya terhadap Psikososial Audiens di Malaysia”. Kajian ini sama dengan pengkaji yang juga menggunakan wacana kritis namun kajian lepas ini menggunakan beberapa tokoh dalam analisis kajiannya iaitu tokoh seperti Kress, Kaplan, Fairclough, dan Van Dijk. Teori tokoh ini dipilih untuk meneliti wacana dalam latar media dan komunikasi. Pengkaji pula hanya menggunakan Analisis Wacana Kritis model Fairclough sahaja. Kaedah kajian juga sama iaitu pengkaji sebagai sampel kajian. Namun, data yang diperoleh dalam kajian ini adalah berbentuk pengungkapan verbal dan bukan verbal serta penyampaian oleh subjek kajian iaitu Nabil. Manakala pengkaji memperoleh data dalam bentuk tulisan iaitu daripada teks cerpen. Meskipun menggunakan pendekatan daripada beberapa tokoh, kajian lepas ini juga turut memanfaatkan rangka kerja teoritikal yang disarankan oleh Fairclough untuk menganalisis secara kritis wacana Raja Lawak Nabil. Tiga rangka kerja analisis telah dikemukakan oleh Fairclough dalam Analisis Wacana Kritis kajian lepas ini ialah teks, praktis wacana, dan praktis sosiobudaya. Namun, pengkaji hanya membataskan beberapa elemen sahaja bersesuaian dengan teks cerpen untuk dianalisis dan tidak memfokuskan sepenuhnya terhadap ketiga-tiga rangka kerja seperti kajian lepas ini.

Dapatan kajian lepas ini menunjukkan subjek kajian telah berjaya memainkan peranan sebagai perwakilan baik, dan telah bertindak memberikan peringatan kepada masyarakat daripada pelbagai peringkat umur. Peringatan tersebut adalah untuk melihat kembali peranan mereka dalam masyarakat. Manakala dapatan kajian pengkaji ialah perbandingan kekuatan dan kelemahan antara dua cerpen mendapati bahawa cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” merupakan cerpen yang lebih kuat dari aspek kohesi berbanding cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul”. Jika dianalisis berdasarkan kajian lepas ini, cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja” juga dapat memainkan peranan memberikan peringatan kepada masyarakat pada pelbagai peringkat umur untuk melihat kembali peranan mereka dalam masyarakat. Seterusnya, cerita Kaduk ini telah dijadikan cerpen sebagai bahan pembelajaran KOMSAS kepada murid tingkatan empat.

Dalam kajian lepas yang dilakukan oleh Muhammad Fadzeli Jaafar (2012) dan Mohammad Fadzeli et al. (2015) yang bertajuk “Penanda Wacana dalam Teks Melayu Lama berunsur Sejarah” turut menganalisis teks. Namun, teks yang dianalisis tersebut ialah *Hikayat Johor serta Pahang* iaitu teks Melayu lama menggunakan model kohesi daripada Halliday dan Hassan (1995). Dalam model ini, aspek kohesi terdiri daripada dua kategori utama iaitu grammatikal dan leksikal. Dalam kategori grammatikal terdapat pula beberapa elemen iaitu rujukan, elipsis, penggantian, dan penghubung. Penanda wacana pula dikategorikan dalam kategori grammatikal. Kajian pengkaji terhadap dua cerpen pula meletakkan kategori grammatikal dan leksikal di bawah Kohesi. Manakala elemen kajian lepas ini seperti elipsis dan penggantian juga merupakan elemen yang digunakan oleh pengkaji dalam analisis cerpen. Kajian lepas ini mendapati bahawa penanda wacana dalam teks kajian tersebut berfungsi sebagai pemula peristiwa dan penyambung peristiwa. Kajian lepas ini telah mengenal pasti kewujudan gaya Bahasa Melayu moden dalam teks kajian. Pengesanan tersebut melalui penggunaan penanda wacana yang tertentu seperti “dan” dan “oleh itu”. Tidak dinafikan bahawa penanda wacana

sedemikian banyak terdapat dalam kedua-dua cerpen kerana kedua-dua cerpen yang dianalisis oleh pengkaji merupakan cerpen moden namun tidak termasuk dalam analisis. Kajian lepas ini juga menumpukan teks sejarah berbanding kajian analisis cerpen yang menumpukan teks pendidikan KOMSAS.

Hasil kajian menunjukkan empat bahagian yang dikaji daripada aspek kohesi dan koheren masing-masing mempamerkan contoh ayat daripada cerpen yang dikaji. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan pengungkapan yang mengandungi unsur dalam aspek kohesi dan koheren. Kajian yang dijalankan oleh Norsimah Mat Awal, Nadrah Abu Bakar, dan Norhashimah Jalaluddin (2012), turut mengkaji pengungkapan menarik yang terdapat dalam penulisan murid. Pengungkapan tersebut merangkumi peribahasa, pantun, pantun, cogan kata frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, kosa kata yang cantik maksud, maksud ayat Al-Quran, dan lain-lain. Pengungkapan yang dikaji oleh mereka terkandung dalam unsur Metafora dalam cerpen ini iaitu dalam aspek koheren kedua-dua cerpen. Berdasarkan dapatan kajian, kedua-dua cerpen mempamerkan beberapa contoh unsur metafora yang menjadikan cerpen tersebut menarik dari segi penyampaiannya. Bagi kajian yang dijalankan oleh Norsimah Mat Awal, Nadrah Abu Bakar, dan Norhashimah Jalaluddin (2012), dapatan mereka mempamerkan tahap murid dalam penggunaan ungkapan menarik tersebut iaitu berada pada tahap sederhana.

Terdapat banyak kajian lepas mengenai aspek kohesi dan perolehan data juga berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji dengan kajian lepas. Perbincangan mengenai aspek kohesi dapat dilihat daripada kajian yang dilaksanakan oleh Mohamad Fitri Mohamad Yusoff, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Pabiyah Haji Maming @ Pabiyah Toklubok dan Hajah Nor Azuwan Yaakob (2015) yang bertajuk “Intertekstualiti dalam Wacana Muamalat”. Intertekstualiti terkandung dalam aspek koheren. Kajian lepas ini pula memfokuskan bidang keagamaan menggunakan analisis aspek koheren iaitu intertekstualiti. Terdapat beberapa unsur lagi dalam intertekstualiti pula terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu metawacana, representasi wacana, praandaian, dan penafian. Huraian data deskriptif dalam wacana muamalat sama seperti huraian deskriptif dalam analisis dua cerpen namun dalam analisis dua cerpen menggunakan koding berbentuk jadual. Dapatan kajian menunjukkan kedua-dua kajian ini mempamerkan perolehan data yang berbeza iaitu kajian lepas merumuskan dapatan kajian setiap bahagian dalam intertekstualiti manakala kajian cerpen menunjukkan perbandingan kekuatan dan kelemahan dua cerpen dari aspek kohesi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kajian cerpen ini hampir sama dengan kajian lepas dalam wacana muamalat.

Hasil penelitian beberapa kajian lepas menunjukkan terdapat persamaan dan perbezaan kajian analisis cerpen ini. Hampir semua kajian menunjukkan persamaan daripada reka bentuk kajian iaitu menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Kebanyakan kajian juga banyak menumpukan aspek kohesi untuk menganalisis pelbagai bidang teks. Selain itu, pengkaji analisis aspek ini ramai yang memilih untuk menggunakan teori Analisis Wacana Kritis. Teori ini lazim digunakan untuk menganalisis pelbagai bentuk teks. Namun, tidak ramai yang memilih untuk menggunakan model Fairclough. Kebanyakan pengkaji memilih untuk menggunakan teori Analisis Wacana Kritis oleh Hassan dan Halliday. Manakala pelbagai teks daripada pelbagai bidang telahpun digunakan dalam Analisis Wacana Kritis termasuklah bidang sains sosial, sains tulen, sejarah, sastera, hiburan, dan hasil penulisan murid. Oleh itu, pengkaji sendiri telah memilih genre teks cerpen dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu untuk dianalisis untuk melihat kekuatan dan kelemahan teks tersebut. Kemudian, berdasarkan dapatan kajian dapat disimpulkan salah satu cerpen yang mampu menjadi rujukan dalam pengajaran Bahasa Melayu khususnya penulisan karangan murid.

Cadangan

Cadangan untuk melakukan kajian selanjutnya perlu bagi bahan ini iaitu teks cerpen. Teks cerpen yang dipilih hanya dua daripada tiga cerpen dalam buku *Antologi Jacket Kulit Kijang dari Istanbul*. Namun pengkaji hanya memilih dua cerpen sahaja untuk dibandingkan dari segi kekuatan dan kelemahannya. Selain itu, kajian terhadap aspek kohesi dengan lebih meluas seperti menggunakan semua bahagian yang terkandung di bawah aspek ini dalam teks juga boleh dilakukan oleh pengkaji lain kelak. Hal ini demikian kerana, masih terdapat banyak lagi elemen yang belum dirungkaikan daripada aspek kohesi untuk dianalisis dalam cerpen ini. Selepas merekodkan hasil kajian iaitu kekuatan dan kelemahan aspek kohesi daripada kedua-dua cerpen ini, kajian selanjutnya perlu dilaksanakan terutama terhadap cerpen “Jaket Kulit Kijang dari Istanbul”. Jika dilihat dari unit ayatnya yang banyak, kemungkinan terdapat elemen lain dalam aspek kohesi dapat disesuaikan dengan ayat tersebut.

Seterusnya cadangan kepada guru untuk meneliti semula cerpen KOMSAS tingkatan empat. Penelitian tersebut bukan bermaksud untuk menilai kekuatan dan kelemahan cerpen tersebut namun melihat kelebihan yang dapat digunakan untuk dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran murid khususnya dalam bidang penulisan murid. Guru menggalakkan murid untuk membaca cerpen KOMSAS untuk mempelajari nilai KOMSAS seperti tema, nilai, pengajaran, persoalan, watak dan sebagainya. Namun, dalam masa yang sama, teks cerpen ini dapat dimanfaatkan oleh guru dalam pengajaran Bahasa Melayu. Setelah memperolehi dapatan kajian, cerpen yang mempunyai banyak kelebihan dan kurang kelemahannya dari aspek kohesi ialah cerpen “Kaduk, Ayam dan Raja”. Oleh itu, pengkaji mencadangkan cerpen ini dimanfaatkan dalam pengajaran bahasa seperti dalam penulisan karangan.

Oleh itu, salah satu lagi saranan pengkaji terhadap kajian ini ialah diharapkan pengkaji lain dapat menggunakan cerpen yang telah dianalisis ini sebagai kajian lanjut untuk kajian akan datang. Pengkaji lain boleh menguji murid dalam penulisan karangan selepas melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menggunakan cerpen yang dianalisis ini. Selain kajian pengujian, pengkaji lain juga perlu memanfaatkan model Fairclough untuk melaksanakan lebih banyak kajian analisis teks dalam bidang pendidikan bahasa.

Penutup

Bahan pengajaran penting dalam membantu pengajaran dan pembelajaran guru dan murid. Pada masa yang sama bahan tersebut memerlukan penelitian yang sewajarnya agar dapat memberikan manfaat kepada pelbagai pihak. Bersesuaian dengan pengajaran bahasa, semua bahan yang digunakan dalam pengajaran bahasa perlu diteliti terutamanya dalam penggunaan aspek bahasa. Salah satu yang dapat dijadikan penelitian bahasa ialah cerpen dalam komponen sastera. Penganalisisan terhadap bahan ini dapat memberikan implikasi positif kepada pelbagai pihak terutamanya kementerian, guru, dan pengkaji lain. Oleh itu, analisis teks wajar diaplikasikan dalam bahan pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam bidang pendidikan bahasa.

Rujukan

- Abdul Fatah Hassan. (2006). *Tenaga dan keremajaan minda untuk meningkatkan produktiviti dan potensi diri*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Endang Wiyanti. (2016). Kajian kohesi gramatikal substitusi dan elipsis dalam novel “*Laskar Pelangi*” karya Andrea Hirata. 16(2), 188-202.
- Halliday, M.A.K. & R. Hassan. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Hasuria Che Omar. (2012). Analisis wacana kritis dalam program televisyen Raja Lawak dan implikasinya terhadap psikososial audiens di Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 60-86.

- Kamus Dewan edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Kurikulum KOMSAS Ting. 1 hingga 5*. Putrajaya: KPM.
- Kress, Gunther, "Critical discourse analysis" dalam Robert Kaplan, ed. (1990). *Annual Review of Applied Linguistic*, vol II.
- Marohaini Yusoff. (2001). Pengutipan dan pengumpulan data perlakuan dan proses menulis karangan dalam bilik darjah. Dalam Marohaini Yusoff (pnyt.). *Penyelidikan kualitatif: pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2012). Penanda wacana dalam teks Melayu Lamaberunsur sejarah. *Jurnal Bahasa*, 243-258.
- Mohamad Fadzeli Jaafar, Idris Aman & Norsimah Mat Awal. (2015). Analisis kohesi wacana sains berdasarkan teori nahu fungsian. *Jurnal Bahasa*, 15(1),1-19.
- Mohamad Fitri Mohamad Yusoff, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Pabiyah Toklubok & Nor Azuwan Yaakob. (2015). Intertekstualiti dalam wacana muamalat. *International Journal of the Malay World Civilization*, 3(1), 91-105.
- Norsimah Mat Awal, Nadrah Abu Bakar & Nor Hashimah Jalaluddin. (2012). Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua: Pengungkapan idea dalam penulisan pelajar sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Melayu*,(9), 227-240.
- Nik Safiah Karim. (2004). *Bahasa Melayu sedekad yang lalu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norman Fairclough. (1995). *Critical discourse analysis: The critical study of language*. London and New York: Longman.
- Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria. (2015). Kohesi gramatikal penghubung dalam karangan berbahasa Melayu. *International Journal of Language and Applied Linguistic*, 3, 101-113.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Bahasa Melayu Ting. 1 hingga 5*. KPM: Putrajaya.
- Yahya Othman & Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 19-29.
- Zuraini Mat Jasin & Abdul Sukor Shaari. (2012). Keberkesanan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pengajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(1), 79-92.